



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH SELURUH NEGERI SABAH  
SELARAS DENGAN SAMBUNGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
BERSYARAT (“PKPB”) HINGGA 6 DISEMBER 2020**

Selaras dengan pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 7 November 2020 mengenai arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Negeri Sabah, adalah dimaklumkan bahawa **Panduan Pengendalian Kes-Kes di Mahkamah Seluruh Malaysia Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini pada 17 Mac 2020 dan **Pemakluman Pendengaran Kes Secara Dalam Talian Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Tahun 2020** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini pada 26 Mac 2020 dan bagi operasi kerja di pejabat dan kaunter-kaunter perkhidmatan Mahkamah, **Garis Panduan Pengendalian Kes dan Tatacara Pengendalian Piawai Pencegahan Wabak COVID-19 Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini bertarikh **3 Mei 2020** adalah terpakai untuk Mahkamah-Mahkamah seluruh Negeri Sabah hingga 6 Disember 2020.

Pemakaian Panduan-panduan ini perlu diubah suai dengan mengambil kira keperluan Mahkamah-Mahkamah di dalam Negeri Sabah.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam dan orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi Pendaftar dan Pegawai Mahkamah seperti berikut:

- (i) **Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak**  
Puan Amelati Anak Parnell  
E-mel: [amelati@kehakiman.gov.my](mailto:amelati@kehakiman.gov.my)  
No. Telefon: 082 311373 / 019-8195908
  
- (ii) **Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak**  
Tuan Jason Juga  
E-mel: [jason@kehakiman.gov.my](mailto:jason@kehakiman.gov.my)  
No. Telefon: 082 442228 / 0198346554
  
- (iii) **Pengarah Mahkamah Negeri Sabah**  
Puan Egusra Ali  
Emel : [egusra@kehakiman.gov.my](mailto:egusra@kehakiman.gov.my)  
No. Telefon : 088 286100 / 016-8931397

Sekian.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

**Tarikh: 10 November 2020**